

# Melayu ketinggalan kerana berpegang budaya lama

SH - 3 Januari 2010 - T4



● Mahathir dan isteri, Tun Siti Hasmah Mohd Ali bergambar dengan pegawai dan kakitangan UMT sempena Konvensyen Mahasiswa Melayu (Konmam) 2010 yang berlangsung di Dewan Sultan Mizan, UMT, Kuala Terengganu, semalam.

**NURUL HUDA HUSAIN &  
W SAIDATUL FADZILAH  
W NAJEMUDIN**

## KUALA TERENGGANU –

Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan, faktor utama menyebabkan masyarakat Melayu jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek berbanding bangsa lain kerana terlalu berpegang pada budaya lama.

Menurutnya, susulan tidak ingin melihat budaya lama terhakis, mereka lebih

sanggup memberi dan membiarkan orang lain mengambil hak yang seharusnya menjadi milik orang Melayu.

"Orang Melayu tidak boleh selalu berjalan kepada orang lain, tetapi perlu terus maju ke hadapan serta tidak membiarkan budaya lama membenggu usaha untuk bersaing dengan bangsa lain.

"Bagaimanapun, tidak salah berpegang pada budaya lama, namun harus diingat perkembangan dun-

nia hari ini tidak lagi selari dengan apa yang kita amalkan pada zaman sebelumnya. Justeru, pendekatannya harus bersesuaian dengan dunia masa kini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Mahasiswa Melayu: Cabaran dan Masa Depan' sempena Konvensyen Mahasiswa Melayu (Konmam) 2010 yang berlangsung di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu

(UMT), di sini, semalam.

Mahathir berkata, masyarakat Melayu juga perlu bersedia untuk menggugurkan nilai hidup yang tidak boleh membantu diri, antaranya sikap malas, tidak serius berusaha dan takut dengan cabaran mendatang.

Menurutnya, kerana terlalu berpegang kepada budaya lama juga, masyarakat Melayu telah melepaskan banyak peluang hingga memaksa mereka bersaing lebih kuat dengan bangsa lain.

"Mungkin ini satu pengajaran buat kita yang terlalu bergantung kepada nilai lama dengan memberi jalan kepada orang lain dan akibatnya, kita terlepas peluang.

"Bagaimanapun, kita tidak harus lupa pada sejarah dan perlu melihat perkara yang berlaku sebelum ini sebagai pengajaran dan panduan pada masa akan datang," katanya.

Dapatkan berita terkini &  
berita edisi  
secara online  
[www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)